

Nilai premium tanah RM2j bantut projek IPP

Tanjung Karang: Nilai premium tanah yang dianggarkan melonjak sehingga RM2 juta menimbulkan masalah kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Selangor untuk meneruskan projek pembinaan Pusat Latihan Institusi Pengurusan Peladang (IPP) yang dicadangkan di Sungai Kajang, di sini.

Pengerusi Majlis Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor Datuk Seri Noh Omar menjelaskan, kerenah birokrasi kerajaan negeri yang rumit terhadap projek kerajaan persekutuan di negeri ini disifatkan menekan agensi bertanggungjawab sehingga mengakibatkan projek pembangunan itu tertangguh sehingga kini.

Beliau berkata, tindakan kerajaan negeri yang menge-

nakan pelbagai syarat dilihat seolah-olah mahu menghalang sebarang pembangunan yang dilaksanakan Barisan Nasional (BN) di Selangor.

“Projek pembinaan IPP dengan kos RM10 juta dengan kerja pembinaan dimu-

lakan pada 2011 lalu masih tidak dapat dilaksanakan berikutan isu penukaran status tanah.

“Kerajaan negeri pula mengenakan beberapa syarat termasuk mahu

menilai semula premium tanah mengikut harga pasaran yang dianggarkan melonjak RM2 juta menyebabkan projek itu tertangguh.

“Kalau betul dikenakan premium sebanyak RM2 juta, LPP terpaksa tanggung kerugian sedangkan nilai tanah yang dibeli sebelum ini hanya RM1.3 juta,” katanya, semalam.

FAKTA

Kerenah birokrasi kerajaan negeri disifatkan menekan agensi bertanggungjawab